



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**SIARAN MEDIA**

**PELAKSANAAN PROGRAM SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) – 1  
DOC GROUP OF COMPANIES (ONE DOC)**

**Kuala Lumpur, 18 Mei 2023** – 1 Doc Group of Companies (One Doc) melalui anak syarikatnya 1 Doc Resources Sdn. Bhd. (SI0490) telah mengambil inisiatif melaksanakan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dalam menyumbang kepada pembangunan tenaga mahir negara. Program SLDN ini merupakan latihan berorientasikan industri yang menggabungkan latihan kemahiran di tempat kerja dan pusat latihan serta melibatkan pelbagai sektor kemahiran.

One Doc telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai Pusat Bertauliah SLDN bagi program Terapi Rambut dan Kulit Kepala (MP-064-3:2014) dan Perkhidmatan Terapi Kecantikan (S960-002-2:2020) pada 1 Februari 2023. Sebagai sebuah Pusat Bertauliah SLDN, One Doc telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik kurikulum sedia ada yang melibatkan perkongsian kepakaran dan pemindahan teknologi kecantikan daripada negara Korea. Sehubungan itu, One Doc telah memperkenalkan mesin kecantikan Pico-Pulse dikenali juga sebagai ONE DOC-PICO 250 yang menggunakan aplikasi teknologi terkini.

Kurikulum SLDN yang berpaksikan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau National Occupational Skills Standard (NOSS) ini menggariskan kompetensi dan peralatan yang diperlukan di dalam latihan kemahiran yang dijalankan. One Doc berharap dengan mesin ONE DOC-PICO 250 yang menggunakan teknologi terkini ini dapat memberi pendedahan yang berguna kepada pelatih. Melalui pelaksanaan program SLDN ini, One Doc berharap dapat melahirkan 300 pelatih ke dalam pasaran kerja kecantikan (beautician) setiap tahun.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**KUALA LUMPUR**  
**18 MEI 2023**